



SIARAN MEDIA

KESIAPSIAGAAN PASUKAN KPKT MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL) DIPERTINGKAT DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 30 September 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa berada dalam kesiapsiagaan yang tinggi menghadapi sebarang bencana alam susulan peralihan memasuki fasa Monsun Timur Laut (MTL) pada bulan November 2023 sehingga Februari 2024.

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengeluarkan arahan kepada seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara untuk melaksanakan pemantauan dan keperluan penambahbaikan kepada infrastruktur awam di kawasan berisiko banjir. Antara langkah-langkah yang disarankan adalah seperti mengenal pasti kawasan parit, longkang, pembetung dan kolam takungan yang berisiko menyebabkan kejadian banjir dan seterusnya melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan bagi melancarkan aliran air. Tapak projek pembangunan juga akan dipantau bagi memastikan penyelenggaraan saluran air seperti kolam takungan dan kebersihan kawasan pembangunan berada dalam keadaan baik. Selain itu, kekuatan anggota, fasiliti, peralatan dan jentera milik PBT sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan banjir dan jaringan kerjasama dengan jabatan/agensi teknikal yang berkaitan diwujudkan dalam menangani su berkaitan banjir.

Pihak **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** sentiasa berada dalam kesiapsiagaan yang tinggi berdepan banjir dengan kekuatan seramai 15,639 anggota terdiri daripada 13,435 pegawai sepenuh masa (PSM) dan 2,204 pegawai bomba bantuan (PBB) dengan 80 peratus cuti pegawai dan anggota bomba dibekukan sehingga Februari 2024.

JBPM juga telah bersedia dengan kekuatan logistik sebanyak 1,150 jenis kenderaan angkut ringan, kenderaan angkut berat dan kenderaan marin pelbagai jenis untuk kegunaan menghadapi MTL 2023. JBPM juga sedia menggerakkan sebanyak lima (5) buah helikopter

milik jabatan untuk digunakan sewaktu kecemasan malah sebuah (1) helikopter telah ditempatkan di Pangkalan Udara Wilayah Utara, Bertam, tiga (3) buah helikopter telah ditempatkan di Pangkalan Udara Wilayah Tengah, Subang dan sebuah (1) lagi helikopter telah ditempatkan di Pangkalan Udara Wilayah Sarawak di Miri.

Pada masa sama, Pasukan Cerak Cepat (MTL RED Team) juga akan diletakkan dalam keadaan bersiap siaga agar sentiasa bersedia memberi respons pantas sekiranya khidmat bantuan penyelamatan diperlukan. MTL RED Team ini akan ditempatkan di 11 buah negeri di seluruh negara iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Terengganu, Selangor, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya Negeri Sembilan dan Johor. Ia dianggotai oleh 15 orang pegawai dan anggota bomba dari Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dan Pasukan Perkhidmatan Penyelamatan Perawatan Kecemasan (EMRS) dan diwujudkan bertujuan bagi memendekkan masa respons serta bersedia melakukan khidmat penyelamatan di sepanjang musim MTL 2023.

Setakat ini, JBPM juga telah mengenal pasti sebanyak 4,795 lokasi yang menjadi Hotspot Banjir melalui data terbuka Jabatan Pengairan dan Saliran serta pemantauan daripada Balai-Balai Bomba di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Sarawak merekodkan jumlah kawasan berisiko banjir yang paling tinggi iaitu sebanyak 1,034 kawasan diikuti Kelantan (595), Pahang (554) dan Sabah (520).

Dalam pengurusan bencana banjir, kerja-kerja pembersihan sisa pasca banjir merupakan salah satu elemen penting bagi mengelakkan penyebaran epidemik selain boleh menjejaskan proses baik pulih infrastruktur kawasan banjir sekiranya ia tidak diuruskan secara sistematik. Sehubungan itu, Pelan Pengurusan Operasi Pembersihan Sisa Pasca Banjir KPKT (Seperti di Lampiran 1) telah disediakan sebagai panduan kepada semua agensi yang terlibat bagi memastikan proses pengurusan kerja-kerja pembersihan sisa pasca banjir lebih teratur dan berkesan.

Bagi persediaan dalam menghadapi banjir, **JPSPN** bersama pihak **SWCorp** serta syarikat konsesi sentiasa bersiap siaga dalam menjalankan operasi pembersihan pasca banjir berdasarkan pelan yang telah disediakan. Antara persediaan yang akan dibuat dalam melaksanakan pembersihan pasca banjir adalah seperti :

- i) Mewujudkan pemetaan kawasan operasi kerja pembersihan dan pelupusan sisa banjir;

- ii) Menyediakan jadual gerak kerja harian mengikut kawasan pemetaan yang telah ditetapkan dan diselaraskan;
- iii) Menumpukan operasi kerja pembersihan secara berterusan setiap hari di semua kawasan di dalam pemetaan;
- iv) Menetapkan peralatan logistik dan jentera pembersihan secara berpusat di setiap kawasan yang terlibat; dan
- v) Mewujudkan Talian *hotline* kepada orang awam berhubung aduan pengurusan.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, “Bencana banjir memerlukan pengurusan yang menyeluruh meliputi keperluan sumber, peralatan dan kemahiran khas daripada pelbagai agensi. Koordinasi secara efektif juga amat diperlukan memandangkan jangka masa pemulihan mungkin mengambil masa yang lama dan berperingkat. KPKT, sebagai satu pasukan, siap siaga menghadapi kemungkinan banjir di musim tengkujuh.”

Kementerian menyeru orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga menjelang MTL 2023. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan *National Disaster Command Centre (NDCC)* di 03-8064 2400 sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

